



Ruj. Tuan:
Ruj. Kami : ANM.Ps(A) 0045 Jld.6 (57)
Tarikh : 21 Januari 2025

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN
JANM NEGERI PERLIS**

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN
KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN
KEWANGAN 2024 (31 DISEMBER 2024)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ bawah seliaan JANM Negeri Perlis hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

(a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

**RINGKASAN ITEM PENYATA KEWANGAN YANG MEMERLUKAN PENGESAHAN PTJ
MEMBAYAR**

UNIT ASET				
BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL iGFMS
1	Inventori	A06* & A07*	C1	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMS
2	Perbelanjaan Terdahulu Aset	A053*	D2	
3	Aset Bukan Kewangan	A14* & A25*	B3-C-A1	Laporan Baki Aset di Portal iGFMS
4	Aset Belum Bayar	L013*	G1	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMS
5	Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset	L0191103	G3	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMS

UNIT AKAUN/DANA				
BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL iGFMS
1	Hasil Bukan Cukai Belum Terima	A027*	B2	- Laporan Ringkasan Hasil / Belanja/Aset/ Liabiliti/Ekuiti
2	Pindahan Belum Terima	A028*		
3	Terimaan Tak Ditunai	A0311101	B3	- Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMS
4	Akaun Belum Terima (ABT)	A048*	B7 & B7(A)	- Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMS
5	Deposit Bayaran	A052*	D1(A) & D1(B)	- Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMS
6	Wang Pendahuluan Kontraktor	A0591101	D3(A)	- Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti dan - Laporan Kedudukan Baki Subsidiari di Portal iGFMS
7	Pendahuluan Dana Pembiayaan Utiliti	A0591102	D4(A)	
8	Pendapatan Terdahulu	L037*	L	- Laporan Aset/Liabiliti/Ekuiti atau - Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti di Portal iGFMS
9	Deposit	L11*	N(A) & N(B)	- Laporan Ringkasan Hasil / Belanja/Aset/ Liabiliti/Ekuiti dan - Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMS

(b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Negeri Perlis adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya pada **28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)**.

3. Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan (berasingan mengikut PTJ Dipertanggung) serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan. Format Pengesahan Baki juga boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis <https://www.anm.gov.my> .

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Negeri Perlis di talian 04-9762766 seperti berikut:

BIL	UNIT	NAMA PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
1.	Unit Akaun dan Dana	<ol style="list-style-type: none">1. Cik Nuratiqah Athirah Binti Suhaimi2. Pn. Hafifah Binti Mohd Adzmi3. Pn. Asmeeza Binti Abdul Rahman4. Pn. Shuhaili Binti Razak5. Pn. Sharazila Binti Seman6. Pn. Norshamila Binti Mohamad Pauzi7. Pn. Noor Suhaila Binti Mat Yusuf8. Pn. Aida Marhaini Binti Rahmat
2.	Unit Perakaunan Aset	<ol style="list-style-type: none">1. Pn. Rabiatul Adabiyah Binti Mohamed Hashim2. En. Ahmad Farhan Bin Azmi3. Pn. Aimi Safira Binti Said4. En. Mohd Azeli bin Adnan5. En. Ahmad Nizam bin Abdul Rahman6. En Nik Amirul A'zim bin Nik Mazlan

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN SALWANI BINTI RAHMAT C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

PERLIS.